

Abdullah diberi gelaran Bapa Ekonomi Ilmu

KULIM 18 Ogos - Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini diberi gelaran sebagai 'Bapa Ekonomi Ilmu' di atas usaha berterusan beliau membawa transformasi negara ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan (K-Ekonomi).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Jamaludin Jarjis berkata, gelaran itu wajar diberi kepada Perdana Menteri berikutan komitmen beliau yang tinggi dan berterusan untuk memajukan K-Ekonomi di kalangan rakyat.

Menurutnya, usaha Abdullah itu bermatlamat membawa kesejahteraan dan peningkatan taraf sosioekonomi rakyat.

Beliau memberitahu, selepas mengahil alih pucuk kepimpinan negara, Perdana Menteri telah membuat anjakan baru iaitu semua rakyat perlu mendapat manfaat daripada pelaksanaan agenda teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) negara.

"Beliau tidak mahu wujud satu lagi bentuk kemiskinan era baru iaitu kemiskinan dari segi pengetahuan digital serta tidak mahu wujud jurang digital antara kumpulan berpendapatan tinggi dan rendah dan antara penduduk bandar dan luar bandar.

"Pada hemat saya, Perdana Menteri wajar diperakui sebagai Bapa Ekonomi Ilmu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Bandar Siber MSC Malaysia @ Taman Teknologi Tinggi Kulim (KHTP) oleh Perdana Menteri di sini hari ini.